**KENYATAAN MEDIA**
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Untuk Hebahan Segera 31 Mei 2019

---

## KEMUDAHAN AWAM MUSNAH AKIBAT SERANGAN DI IDLIB

---

**Idlib –** Insiden pengeboman di barat laut Syria pada Selasa lalu telah merosakkan dua buah hospital sehingga memaksa operasi hospital dihentikan seketika. Ini termasuk sebuah hospital trauma utama yang telah dibantu oleh Islamic Relief (IR) sejak bertahun dahulu.

Menurut sebuah laporan, serangan itu berlaku sehari selepas sekurang-kurangnya 17 orang terbunuh termasuk wanita dan kanak-kanak. Sejak tiga minggu lalu, terdapat sekurang-kurangnya 20 serangan ke atas 18 kemudahan yang berbeza, kira-kira satu serangan dalam sehari.

Peningkatan serangan yang berlaku telah menakutkan orang ramai sehingga mengakibatkan infrastruktur awam seperti masjid, hospital dan pasar kurang dikunjungi orang ramai.

Ribuan orang terpaksa berlindung di rumah dan bersembunyi dalam kegelapan untuk mengelakkan daripada dilihat atau ditemui. Mereka juga berbuka puasa dalam keadaan gelap samada di bangunan-bangunan atau di kawasan padang. Ramai yang bimbang untuk keluar membeli makanan dan mereka hanya bergantung dengan bekalan makanan sedia ada.

“Pengeboman di hospital adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan penutupan hospital trauma tersebut bakal memberi kesan buruk kepada orang awam yang tidak bersalah.

“Orang ramai hidup dalam ketakutan dan tidak tahu apa yang akan terjadi selepas ini. Dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini, kira-kira 300,000 orang terpaksa meninggalkan rumah mereka kerana ketakutan manakala ratusan ribu lagi dijangka akan turut berpindah selepas ini,” kata Ahmed Mahmoud*, Pengarah Negara IR Syria, dalam memetik data kluster kesihatan mengenai isu perpindahan.

“Ramadan seharusnya menjadi bulan yang suci di mana keluarga dan sahabat handai dapat berkumpul bersama dengan aman tetapi di utara-barat Syria, hanya ada serangan yang tidak henti-henti.

“Bekalan makanan dan ubat-ubatan semakin susut bilangannya. Hospital dan masjid perlu ditutup atau dihadkan perkhidmatan. Sekolah pula tidak beroperasi di kebanyakan kawasan. Tempat orang awam yang sepatutnya selamat kini menjadi sasaran peluru.

“Setiap bom yang jatuh ke kawasan ini, bukan sahaja memberi peringatan kepada kami malahan kepada tiga juta penduduk di Idlib bahawa keadaan semakin buruk.”

Dalam serangan di Idlib, lebih 300 orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak telah terbunuh sejak akhir April lalu. Menurut PBBB untuk Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA), 25 sekolah dan 20 kemudahan kesihatan telah terjejas. Peperiksaan sekolah untuk sekurang-kurangnya 400,000 pelajar juga perlu ditangguhkan.

NOTA KEPADA EDITOR

*Ahmed Mahmoud adalah nama samaran dan digunakan untuk tujuan keselamatan. Sebagai alternatif, anda boleh menyifatkan petikan tersebut kepada pekerja bantuan Islamic Relief di lapangan.

**Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Di Syria, Islamic Relief (IR) mempunyai dua pejabat operasi di utara-barat Syria dan menyediakan bantuan asas seperti khemah kepada keluarga yang dipindahkan, serta sokongan makanan dan kewangan kepada puluhan ribu orang lain yang berjuang untuk memenuhi keperluan.

Di bulan Ramadan ini, IR sedang menjalankan pengagihan makanan Ramadan untuk memastikan bahawa lebih daripada 73,000 orang di Syria mempunyai bekalan makanan untuk bersahur dan berbuka.

IR juga menyediakan sokongan perubatan kepada beberapa hospital, termasuk barangan perubatan untuk hospital trauma khususnya membayar gaji kira-kira 150 kakitangan perubatan dan menjalankan empat Operasi Kecemasan mudah alih (ORs) yang membolehkan operasi berterusan walaupun dibom.

## Mengenai Islamic Relief Malaysia (IRM)

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**
**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**
**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**
**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**
**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**
**BANK MBSB | 1005 0251 0000 0166**
atau melalui :
**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my/Whatsapp: +60196379788